

**PEREMPUAN MENGIJABKABULKAN DIRINYA SENDIRI  
DENGAN SEORANG LELAKI**



ENAKMEN MUFTI DAN FATWA (KEDAH DARUL AMAN) 2008  
PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 21

**PEREMPUAN MENGIJABKABULKAN DIRINYA SENDIRI  
DENGAN SEORANG LELAKI**

Menurut seksyen 21 Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 10 Tahun 2008*], Jawatankuasa Fatwa dan atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 4 April 2021, telah membincangkan perkara berkenaan dengan perempuan mengijabkabulkan dirinya sendiri dengan seorang lelaki dan telah memutuskan fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah adalah seperti yang berikut:

“Hukum perempuan mengijabkabulkan dirinya sendiri dengan seorang lelaki yang halal dikahwini baginya adalah **tidak sah** kerana perkahwinan itu tidak menepati rukun nikah sebagaimana yang telah disepakati oleh Jumhur Fuqaha’.”

*[(78)dIm.JMNK(F)603 Jld. 2; PUN(KD) 600-1/5/3(5)]*

*Tarikh Warta : 20 Januari 2022*

*Tarikh Keputusan : 4 April 2021*